

18/02/2001

Umno sedia bincang apa saja (HL)

Munaarfah Abu Bakar

PUTRAJAYA: Umno sudah bersedia bermuzakarah dengan Pas esok dan akan menerima semua isu yang dibawa parti pembangkang itu tanpa sebarang syarat agar perbincangan mengenai perpaduan dapat dilaksanakan dengan telus dan terbuka.

Ini bermakna Umno bersetuju berbincang mengenai apa saja isu yang bakal dibawa oleh Pas termasuk sistem kehakiman, demokrasi, ekonomi, Islam, royalti minyak Terengganu dan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dalam satu pertemuan dengan Berita Minggu berkata, Umno bersedia untuk lebih fleksibel dalam menerima semua isu yang dibangkitkan oleh Pas sebelum ini dengan mengambil kira kesan perbincangan berkenaan kepada kepentingan negara.

"Kita mengharapkan pertemuan ini akan dapat diadakan kerana kita terbuka untuk membincang apa saja perkara dan bersetuju menerima perkara itu dalam pertemuan kedua-dua pihak," katanya selepas mesyuarat Biro Politik Umno di Seri Perdana di sini, semalam.

Mesyuarat lebih satu setengah jam itu dipengerusikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri Timbalan Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Datuk Seri Najib Tun Razak; Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin; Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed; Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Khalil berkata, dalam mesyuarat itu juga beliau turut memberi taklimat kepada kepimpinan Umno mengenai kedudukan keputusan mesyuarat jawatankuasa teknikal parti kelmarin dalam membuat persiapan bagi pertemuan terpenting itu.

Umno dan Pas sebelum ini bersetuju mengadakan pertemuan yang pada asalnya bertujuan membincangkan agenda Melayu dan kemudian bertukar kepada isu perpaduan nasional.

Satu laporan memetik Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor sebagai berkata, Pas akan membangkitkan isu Anwar dan royalti minyak Terengganu dalam perbincangan itu.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa juga sebelum ini dilapor mencadangkan agar skop perbincangan diperluaskan dengan membincangkan beberapa isu lain termasuk isu sistem kehakiman, demokrasi, ekonomi dan Islam.

Khalil yang juga disoal mengenai perwakilan Umno pada perbincangan itu tetapi enggan mengulas lebih lanjut.

Difahamkan, semua perwakilan Umno bagi perbincangan berkenaan sudahpun ditentukan pada mesyuarat jawatankuasa teknikal kelmarin dengan lima enam perwakilan.

Ditanya sama ada akan ada mesyuarat jawatankuasa kecil antara Umno dan Pas sebelum pertemuan esok, beliau berkata: "Kalau ikut laporan akhbar mereka kata ada mesyuarat esok (hari ini)," katanya.

Sementara itu, Muhammad ketika dihubungi berkata, Umno sentiasa terbuka dan tidak meletakkan apa-apa syarat dengan Pas dalam pertemuan bagi tujuan perbincangan perpaduan itu.

"Dalam Islam sendiri, pentingnya ada muzakarah dengan mengadakan rundingan dengan semua pihak. Dalam perkara ini, Umno lebih fleksibel dengan tidak menetapkan sebarang syarat demi kepentingan negara," katanya.

(END)